


# Perutusan Tahun Baru 2005

Sabtu, Universiti Bentang Dunia



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

ISO 9001: 2000 No Sijil : 404089



Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA



## *Aturcara Majlis*

**09:15 pagi**

- Ketibaan Staf

**09:30 pagi**

- Ketibaan Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah

**09:35 pagi**

- Bacaan Doa

**09:40 pagi**

- Ucapan Perutusan Tahun Baru 2005  
oleh Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah,  
Naib Canselor UiTM

**12:00 tgh**

- Penyerahan mock-up cek oleh Dekan/Pengarah Kampus/Pusat/Institut/  
Ketua Jabatan/Unit
- Ikrar oleh Staf UiTM diketuai  
Y. Bhg. Dato' Prof. Ir Dr. Sahol Hamid Abu Bakar

**12:15 tgh**

- Bersurai

## Perutusan Naib Canselor Sempena Tahun 2005

### **TAHUN-TAHUN YANG MENCABAR**

**Tuan-tuan/ Puan-puan/ Saudara/Saudari Yang dihormati Sekelian.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Selamat Datang, dan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan. Tahun ini – 2005 – adalah tahun kelima saya sebagai Naib Canselor. Sepanjang empat tahun yang lepas, sejak saya di sini sebagai Naib Canselor, iaitu dari 2001 hingga 2004, kita telah menyaksikan pelbagai kemajuan dan perubahan yang kita usahakan. AlhamduliLlah, saya bersyukur.

Sepanjang empat tahun itu, saya telah menggambarkan impian dan wawasan saya untuk kita kongsi bersama. Saya yakin semua impian dan wawasan itu tidak jauh daripada jangkauan dan kejayaan kita.

Tahun 2001, menyaksikan usaha kita memantapkan universiti. Melalui 21 Strategi Pengukuhan Universiti Teknologi MARA Abad 21, UiTM mengorak langkah untuk mengukir keyakinan semua warganya dalam memikul tanggungjawab besar untuk membangun pendidikan dan sosioekonomi Bumiputera pada abad ke 21. Matlamat UiTM ialah untuk menjadikan universiti ini sebagai universiti yang terbaik, mampu dan berupaya menyumbang ilmu pengetahuan melalui paduan teknologi dan pendekatan terbaru yang melampaui pemikiran-pemikiran konvensional. Sejak 2001, usaha penstrukturran UiTM dilaksanakan dengan giat secara berperingkat. Berkaitan itu, tahun 2006 diletakkan sebagai sasaran menjadikan universiti kita ini sebagai "World Class University".

Tahun 2002 telah disasarkan sebagai Tahun Lonjakan' bagi membawa UiTM ke tahap tertinggi. Segala kudrat dan usaha kita diarahkan dengan cukup berkesan untuk mengimbangkan tumpuan utama kita antara pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat.

Dengan kesedaran untuk meningkatkan dayasaing dan kebolehgunaan tenaga para graduan, tahun 2003 menandai pelancaran usaha kita ke arah "Hubungan dan Kerjasama Universiti-Industri".

Kita telah melangkah dengan yakin – dan meninggalkan dengan redha namun cukup berpuas hati - tahun 2004 itu dengan menggerakkan seluruh tenaga dan usaha kita "Ke arah Pentadbiran & Perkhidmatan yang Berkualiti, Berintegriti, dan Berakauntabiliti".

Sepanjang empat tahun yang lepas, kita telah bersama-sama menyaksikan pelbagai kemajuan yang dilalui oleh UiTM. Memikirkan apa yang kita telah capai sejauh ini, secara peribadi, saya amat tersentuh dengan segala perasaan suka-duka serta pahit-manis yang kita – semua warga universiti ini – lalui.

Tahun silih berganti. Dan kita terus di sini, masing-masing tekun memikirkan dan mengusahakan semua perancangan dan agenda kita khususnya untuk menjadikan universiti ini cemerlang dan mengungguli dunia akademik dan seterusnya meletakkan universiti kita ini di tahap pengiktirafan dunia.

Harapan, impian serta wawasan saya selaku Naib Canselor sentiasa berpijak di bumi nyata. Kira-kira empat tahun yang lalu saya berusaha memulakan proses pemantapan universiti ini. Sekaligus, saya mengajak seluruh warga universiti untuk berusaha menghindarkan segala elemen negatif yang berakar umbi di rumah yang kita namakan UiTM ini.

Kebanyakan daripada impian dan wawasan itu dijadikan kenyataan oleh kita sendiri. Kita telah perkuatkan struktur universiti, menambah apa yang kurang dan membuat apa yang sumbang. Sikap-sikap negatif, seperti pesimistik dan kurang keyakinan di kalangan sebahagian warga kita akhirnya kita dapat atasi. Dan usaha penstrukturkan serta pendekatan mesra, terbuka dan berhemah yang saya impikan dan praktikkan telah dilaksanakan selama ini secara bertahap-tahap khususnya dalam menyokong objektif kita untuk meninggikan mutu akademik universiti ini.

Pagi ini, saya memilih untuk tidak menyentuh terlalu banyak mengenai elemen-elemen negatif di sekeliling kita yang sentiasa membelenggu usaha kita untuk memajukan bangsa dan negara. Apa yang nyata, kini kita sedang berada di landasan yang kritikal, yang penting untuk kita memperhebat perjalanan kita menuju ke destinasi utama, iaitu ke arah menjadikan universiti ini sebuah universiti berkelas dunia.

### **Pembangunan Pelajar**

Tuan-tuan dan puan-puan, saya tidak menaruh sebarang syak bahawa tahun-tahun yang kita telah lalui selama ini, memberikan banyak cabaran kepada universiti ini. Satu daripada isu besar yang kita sering hadapi adalah isu permohonan kemasukan pelajar ke universiti. Pengambilan merupakan satu fungsi utama yang mendominasi pengoperasian mana-mana universiti.

Secara berterusan, kita telah terpaksa menolak permohonan daripada tidak kurang 30,000 orang lepasan persekolahan yang mempunyai kelayakan minimum untuk menuntut di universiti ini. Pada masa yang sama, kita juga berhadapan dengan tugas besar menyediakan fasiliti yang mencukupi untuk menampung keperluan semua pelajar di dalam universiti. Dan ini menuntut masa, tenaga, perhatian dan usaha menyeluruh bukan sahaja pihak Hal Ehwal Pelajar, malah semua komponen di dalam sistem UiTM.

UiTM adalah sebuah universiti yang para pelajarnya terdiri daripada bangsa Melayu/Bumiputera. Universiti ini sentiasa menjadi perhatian. Kita tidak sudah-sudah dijadikan sumber rujukan khususnya dalam soal-soal yang berkaitan dengan pembangunan dan pendidikan anak-anak muda.

Banyak kajian telah dijalankan. Banyak pula penemuan yang membimbangkan saya, serta setiap ibubapa berkenaan perkara tersebut. Pergaulan sosial, lebih-lebih lagi apabila bercampur dalam budaya-budaya kecil yang baru secara langsung akan mempengaruhi anda semua. Timbul ketidaksuauan budaya dan sekaligus mempengaruhi personaliti pelajar-pelajar kita. Jika mereka tidak berhati-hati, bila keluar ke pasaran pekerjaan kelak, akan ada konflik dan krisis dalaman diri di kalangan graduan.

Beberapa kajian mendapati pelajar perempuan lebih cemerlang dari segi akademik kerana strategi pembelajaran yang lebih baik. Ini satu cabaran buat pelajar lelaki. Isu strategi pembelajaran (seperti keberkesanannya belajar secara berkumpulan misalnya) adalah isu penting dalam soal kejayaan pelajar kita.

Saya serta ramai tokoh akademik lain percaya bahawa di kalangan pelajar kita, keupayaan mereka dalam memiliki dan menguasai maklumat dan pengetahuan adalah sangat terhad. Ada banyak faktor kenapa ini berlaku. Antaranya kerana tidak ramai pelajar Melayu yang menjadikan aktiviti pembacaan dan pencarian ilmu sebagai budaya dan cara hidup.

Penglibatan dalam aktiviti “non-academic” juga tidak menjadi keutamaan. Tidak ada keinginan dan dorongan untuk para pelajar aktif dalam pasukan-pasukan beruniform, sukan dan rekreasi serta aktiviti lain yang bertujuan untuk menambah kemahiran, pengalaman dan pengetahuan.

Saya tidaklah bermaksud menyuruh semua pelajar kita untuk menawan puncak Everest, tetapi sekurang-kurangnya saya mengharapkan mereka berfikiran besar dan bersifat berani menempuh cabaran sebagaimana dipamerkan misalnya oleh Kolin dan Ahmad Redzuan.

Saya juga melihat ada semacam kurangnya dorongan (drive) dalam diri pelajar untuk berjaya dengan cemerlang, misalnya belajar dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat Kelas Pertama. Kenapa niat ini tidak dijadikan niat utama pada setiap masa?

Sebaliknya, apa yang membimbangkan, sebahagian daripada pelajar terkial-kial hanya untuk mengekalkan CGPA 2.00. Dengan itu, terpaksalah pula kita – iaitu setiap fakulti – memasukkan isu ini sebagai agenda objektif strategik serta kualiti masing-masing.

Seterusnya, tuan-tuan dan puan-puan, isu komunikasi dan bahasa. Walaupun ada banyak pandangan mengenai perkara ini, namun kita mesti menerima hakikat bahawa Bahasa Inggeris adalah sangat penting. Bahasa Inggeris digunakan dalam kebanyakan kursus serta untuk tujuan penyampaian kuliah dan pembentangan kertas kerja. Isu bahasa ini merupakan antara persoalan biasa yang dialami oleh pelajar-pelajar kita. Sambil kita kerap kali menegaskan bahawa satu daripada kelebihan graduan kita ialah keupayaan mereka berbahasa Inggeris dengan baik, saya yakin para pelajar masih belum berusaha dengan lebih gigih untuk mempertingkatkan kemahiran mereka berbahasa Inggeris.

Dari sudut lain, pada setiap masa, penggunaan ICT (Information & Communication Technology) khususnya dalam pendidikan memang tidak dapat dielakkan lagi. Kemahiran pelajar-pelajar kita dalam ICT masih lagi dipersoal dan dikaitkan sebagai rintangan yang sering dihadapi oleh mereka. Keupayaan menguasai ICT mempengaruhi prestasi akademik pelajar kerana kebolehcapaian graduan terhadap sumber-sumber maklumat bermutu akan menjadi terhad. UiTM mempunyai pelbagai sumber yang boleh membantu pelajar untuk meningkatkan potensi graduan yang sebenar, maka di sinilah sebenarnya semua komitmen dan usaha kita diperlukan oleh universiti tercinta ini.

Saya ingin menyentuh mengenai patriotisme. Negara yang rakyatnya sangat halus roh patriotism mereka biasanya adalah rapuh dan mudah roboh. Kekurangan semangat patriotisme di kalangan warga, khususnya pelajar yang merupakan sumber guna tenaga terpenting negara, boleh mengakibatkan kita tidak dapat mengaitkan kesungguhan, dorongan dan keinginan dengan prestasi akademik dalam usaha untuk membangunkan diri masing-masing. Pelajar tidak dapat merasionalisasi antara kenyataan betapa kejayaan akademik mereka akan mempengaruhi jatuh bangun bangsa sendiri.

Di sini, Apa yang saya amat bimbangkan adalah kemungkinan jika ada di kalangan

segelintir tenaga pengajar sendiri yang masih ego dan angkuh dengan pendirian mereka bahawa antara profesionalisme tugas dengan prinsip hidup adalah dua perkara yang berbeza! Atas kemungkinan inilah maka setiap warga universiti sentiasa di peringat supaya memberikan keutamaan yang sama penting bukan sahaja kepada tugas-tugas hakiki, malah memberatkan soal-soal keberadaan, etika, dan menjaga integriti tanpa bertolak ansur. Ini cabaran kita yang mesti diberikan keutamaan pada setiap masa.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Sejak 48 tahun lampau, universiti ini adalah bumi yang dihuni ribuan anak bangsa. Ia jadi saksi kepada pahit getir, suka duka kehidupan. Bagi mereka yang dibesarkan di sini sebagai penuntut, tanah ini adalah permulaan kepada episod perjuangan semua anak bangsa. Bagi mereka yang berada di sini kerana menabur khidmat bakti sebagai pekerja, tanpa mengira pangkat dan kedudukan anda, universiti ini merekodkan seribu satu rahsia yang signifikannya hanya difahami oleh mereka sendiri.

AlhamduliLlah sisa-sisa kehidupan mereka dihabiskan di sini. Menyemai bakti untuk dituai oleh anak-anak bangsa kita. 48 tahun adalah masa yang lama. Pelajar yang berada di sini, misalnya pada tahun 1970 kini usia mereka sudah menghampiri penghujung 50an. Saya serta sebahagian besar kelompok itu memahami hal ini. Saya percaya apa yang saya sebutkan ini tentunya segera membawa kenangan tuan-tuan dan puan-puan kembali ke zaman itu. Zaman tatkala kita bermundar mandir di sekitar sini sama ada sebagai penuntut atau pekerja. Saya mengucapkan terima kasih kerana anda terus berada di sini, dan terus menyokong perjuangan kita bersama secara tulus dan ikhlas.

Menara Sultan Abdul Aziz Shah, atau “multi-storey building” di luar Dewan Sri Budiman ini misalnya mempunyai cukup banyak nilai sejarah yang tinggi. Menara ini, yang dibina pada tahun 1972 merupakan nadi universiti ini suatu ketika dulu. Dengan kedudukan menara ini di puncak bukit yang menjadi mercu tanda paling nyata di daerah ini, ia amat strategik sebagai pusat pengajian tinggi. Hari ini kawasan ini dikenali sebagai Seksyen 1 Shah Alam. Tapak universiti kita ini menjadi titik tumpuan antara Kelang dengan Petaling Jaya. Ibarat sebuah rumah api yang menjadi pedoman pelaut, menara ini merupakan petanda rujukan yang meletakkan Shah Alam sebagai destinasi penting dan bermakna.

Secara peribadi, saya merasa amat bertuah kerana sebagai pemimpin pelajar pada waktu itu, saya berpeluang bersama-sama dengan pihak pengurusan tertinggi universiti dan arkiteknya, iaitu Y.Bhg Dato' Zahani mengiringi Tan Sri Ghazali Shafie selaku Pengerusi Majlis ITM pada waktu itu melawat tapak pembinaan menara tersebut. Sebagai pemimpin pelajar pada masa itu, saya sendiri tidak pernah menyangka bahawa lawatan ke tapak lokasi menara ini telah dirakamkan dalam bentuk gambar yang terpelihara dengan baik di dalam arkib kita. Dan hari ini, berdiri di sini sebagai Naib Canselor universiti ini, apa lagi yang boleh saya ucapkan selain daripada bersyukur dan mendoakan semoga semua impian dan harapan kita demi anak bangsa dapat dimakbulkan melalui usaha dan komitmen kita semua.

## PENCAPAIAN UiTM

Tuan-tuan dan puan-puan serta Saudara/Saudari Sekalian,

Tahun-tahun yang yang kita lalui bersama sentiasa merekodkan pelbagai kejadian dan insiden yang kita perlu nilai demi survival universiti. Kita tidak hidup di dalam kepompong atau di

dalam vakuum. Kita mesti akui bahawa untuk universiti ini berubah ke arah yang lebih maju dan progresif, kita turut bergantung kepada elemen-elemen asing yang sebahagian daripadanya di luar daripada kawalan kita secara langsung. Kita bercakap mengenai risiko dan kebijaksanaan kita menghadapi perubahan dan cabaran semasa.

Isu-isu nasional dan global sentiasa menduga dan mencabar universiti. Isu-isu itu banyak, antaranya:

- Perkara-perkara berkaitan perdagangan seperti sebab dan akibat kemiskinan, hutang dan pengurusan kewangan, perdagangan bebas serta globalisasi termasuk fair trade seperti AFTA, pengkorporatan agensi-agensi kerajaan, kepenggunaan, pembangunan mapan;
- Perkara-perkara berkaitan dengan hak asasi seperti keadilan semulajadi, media perdana, agama, kedudukan dan persaingan antara jantina;
- Perkara-perkara geopolitik seperti perperangan dan kepenggalan di peringkat serantau dan dunia, konflik serantau dan melibatkan negara-negara jiran, perperangan melawan penggalan, penggubalan dasar-dasar luar, isu kanak-kanak;
- Serta perkara-perkara yang berkaitan dengan isu alam sekitar seperti bencana alam misalnya Tsunami yang meragut ribuan nyawa manusia di rantau ini, isu biodiversity, isu makanan kejuruteraan genetik, global warming dan sebagainya.

Kesemua isu ini melibatkan bukan sahaja universiti kita sahaja, malah semua universiti dan warga masing-masing.

### Pencapaian Pengajaran

Tugas mengajar sentiasa mencabar namun cukup untuk memberikan ganjaran besar kepada kita, warga universiti. Pada setiap saat, kita memikir dan berusaha untuk memberikan yang terbaik kepada para pelajar. Kita berdoa semoga graduan kita dapat menyumbang dengan bermakna kepada masyarakat dan negara. Cabaran tersebut menjadikan kita lebih bersemangat dan bermotivasi untuk melakukan lebih lagi daripada sekadar yang dinyatakan melalui ‘job specification’ kita misalnya melalui fail meja atau manual prosedur kerja kita, jika kita lihat melalui perspektif kualiti. Dan ini kita nikmati hasilnya misalnya melalui kejayaan anak-anak kita melalui pertandingan SIFE, atau rekacipta dalam pertandingan seperti Robotic umpamanya.

Dalam hal ini, kita berbangga, kerana fakulti-fakulti kita bekerja keras ke arah mencemerlangkan universiti. Bukan sahaja setiap daripada warga fakulti mengekalkan kecemerlangan dari sudut kesarjanaan, malah komitmen penuh yang ditunjukkan melalui kesediaan membudayakan kualiti melalui pensijilan ISO 9001:2000 misalnya, ternyata hebat dan membanggakan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua fakulti. Dan saya berterima kasih dan menghargai setinggi-tingginya sokongan dan kerjasama warga lain, akademik dan bukan-akademik, misalnya Pejabat Pendaftar dan InKA yang turut menyumbang ke arah pembudayaan kualiti melalui pensijilan ISO tersebut, yang ditunjukkan melalui kejayaan pentadbiran dan perkhidmatan korporat universiti pada tahun 2004 lalu.

Walaubagaimanapun, saya percaya semua warga tentunya menyedari betapa sebaik manapun pentadbiran dan perkhidmatan sesebuah universiti, antara isu besar yang mesti dipentingkan adalah kejayaan kita secara kolektif mengurangkan kegagalan dan pada masa yang sama memastikan bilangan mereka yang bergraduat mengikut masanya, dapat dipertingkatkan dengan

# Peristiwa-peristiwa Sepanjang Tahun

# 2004



lebih signifikan. Ini merupakan antara petunjuk kecekapan dan keberkesanannya universiti lebih-lebih lagi dalam usaha kita mendapatkan kedudukan di dalam indeks prestasi universiti sedunia.

Sebagai renungan, sila lihat kembali maklumat mengenai jumlah graduan pada Istiadat Konvokesyen yang lepas. Dengan menumpukan perhatian kepada bilangan penerima ijazah Kelas Pertama dan Kedua Tinggi, saya yakin kita tentu berasa insaf betapa perlunya kita menggiatkan usaha untuk memperhebatkan bilangan mereka.

**JUMLAH GRADUAN MENGIKUT PROGRAM  
ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE- 60  
19 – 29 OGOS 2004**

BIL.	PERINGKAT PROGRAM	JUMLAH GRADUAN
1.	DOKTOR FALSAFAH ( Ph.D )	: 0
2.	SARJANA (MASTER)	: 197
3.	KURSUS LUARAN	: 21
4.	DIPLOMA LEPASAN IJAZAH	: 0
5.	SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN <ul style="list-style-type: none"><li>• KELAS PERTAMA</li><li>• KELAS KEDUA TINGGI</li><li>• KELAS KEDUA RENDAH</li><li>• KELAS KETIGA</li></ul> JUMLAH	: 63 : 795 : 2,617 : 111 : 3,586
6.	SARJANA MUDA (IJAZAH AM)	: 258
7.	DIPLOMA	: 10,346
	JUMLAH KESELURUHAN	: 14,408

10

Saya percaya, mutu dan hasil pengajaran dan pembelajaran kita tentunya dapat dipertingkatkan dengan lebih jelas pada tahun ini. Dan untuk berbuat demikian, tidak ada jalan lain selain daripada mempertingkatkan profesionalisme pengajaran setiap ahli akademik kita. Soal-soal penguasaan teknologi – pengajaran, pembelajaran, dan rekabentuk – dengan sendirinya semakin relevan dalam konteks usaha kita mencapai status universiti berkelas dunia.

Berkaitan dengan itu jugalah saya fikir persoalan sudah terjawab mengenai kenapa selama beberapa tahun ini saya tidak pernah henti-henti menekankan soal profesionalisme tenaga pengajar, peningkatan kemahiran dan juga soal keberadaan yang merupakan petunjuk utama kepada peningkatan keyakinan kita terhadap kecekapan dan keberkesanannya tugas fakulti.

### Pencapaian Penyelidikan

Penyelidikan adalah antara fungsi utama universiti, selain mengajar dan memberi khidmat kepada masyarakat. Sejak pertukaran kecil dilakukan terhadap kita, ekoran pertukaran nama kepada "Universiti", kita dicabar dan tercabar untuk meneroka alam penyelidikan secara agresif.

Dalam masa kurang 5 tahun, UiTM telah melakukan lonjakan yang cukup tinggi dan jauh. Malah kita melihat masih banyak rupanya ruang dan peluang yang boleh kita liputi dalam tahun-tahun mendatang.

Benar, universiti ini baru sahaja sejak beberapa tahun ini mengalih tumpuan kepada kegiatan penyelidikan. Namun adakah keadaan itu menyebabkan kita tidak dapat beraksi dengan cemerlang samada di peringkat nasional, apatah lagi antarabangsa? Saya tidak fikir sedemikian.

Dengan segala sumber dan potensi yang ada di dalam kerangka keupayaan kita, tahun-tahun yang kita tinggalkan, sejak 2001, mencatatkan banyak kejayaan dan pencapaian yang amat membanggakan kita.

Melalui IRDC, projek-projek penyelidikan, perundingan dan komersilisasi diperhebatkan. Bilangan projek penyelidikan yang diusahakan oleh para penyelidik cukup membanggakan dan menunjukkan trend peningkatan yang agak konsisten dari setahun ke setahun sepetimana kemuncak 1000% yang dicapai sebagai perbandingan dengan tahun 2001. Secara perbandingan, dalam beberapa pertandingan yang disertai, UiTM mencatat kejayaan sekurang-kurangnya di tempat kedua di negara ini di kalangan semua universiti awam. Saya berasa begitu bangga dan bersyukur.

Beberapa kejayaan turut dicatatkan pada tahun lalu, antaranya termasuklah keupayaan para penyelidik kita mencipta kemenangan dan membawa pulang 3 pingat emas serta kepujian dan 3 perak pada Pertandingan Rekacipta di Geneva; kemenangan pada pertandingan Robotik yang dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya; kemenangan kita pada pertandingan Steel Structure; dan juga kemenangan kita dalam pertandingan rekacipta di Korea.

Dan baru-baru ini kita berpeluang menyaksikan bagaimana kegiatan rekacipta dan rekabentuk digalakkan di kalangan penyelidik dan perekacipta kita menerusi IID 2004 (Innovations, Inventions & Designs) yang menyaksikan penyertaan bukan sahaja penyelidik-penyeledik dari bidang S&T semata-mata, malah melibatkan penyertaan para penyelidik dari Sains Sosial seperti Fakulti Perakaunan, Pengajian Maklumat, dan Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi. Saya mengucapkan syabas.

### **Elemen & Dimensi Antarabangsa**

Kejayaan dan pencapaian UiTM dalam penyelidikan turut disokong dengan pelbagai pencapaian kita di peringkat antarabangsa. UiTM terus memperkuuh jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak di peringkat antarabangsa dengan tujuan untuk mempertingkat kualiti akademik serta pengiktirafan. Dari semasa ke semasa, saya sering menekankan perlunya kita terus menjalin kerjasama yang dengan IPT-IPT luar negara di samping berusaha menambah rangkaian kerja (networking) yang baru dengan mana-mana agensi lain khususnya di arena antarabangsa.

Ini amat bertepatan dengan strategi UiTM melalui "Jalinan dan Kerjasama Universiti – Industri" yang telah, secara amat berkesan, memberi kelebihan kepada universiti ini untuk meninjau pendapat, maklumat serta bimbingan mengenai pasaran, kecenderungan majikan serta potensi masa depan yang terkini melalui program-program khusus melibatkan kerjasama langsung antara UiTM dengan industri, termasuk perbadanan-perbadanan industri dari Jepun. Beberapa contoh berkenaan termasuklah misalnya kerjasama kita dengan Japan Travel Bureau, agensi pelancongan negara Jepun yang terbesar telah bersetuju untuk mempromosikan

program-program jangka pendek khas untuk pelancong dari Jepun dan juga residen Jepun yang tinggal di Malaysia; Japan International Cooperation Agency (JICA) yang memberi kita peluang untuk mengadakan kursus Bahasa Melayu untuk sukarelawan JICA yang akan di tempatkan di pelbagai organisasi yang memohon kepakaran bantuan sukarelawan "Senior"; Japan Science and Technology Agency (JST) yang bertujuan memberi bantuan kepada kita untuk memperkuatkan bidang sains dan teknologi melalui penajaan saintis terkenal untuk program-progam yang di anjurkan oleh mana-mana organisasi di Malaysia; serta beberapa memorandum persefahaman yang telah ditandatangani antara UiTM dan Bungkyo Gakuin Universiti serta Japan Travel Bureau (Malaysia) Sdn. Bhd. yang melibatkan pertukaran pelajar serta program khas melibatkan pelancong Jepun dan residen Jepun di Malaysia.

### **Pengiktirafan Antarabangsa & Dalam Negara**

Pengiktirafan pihak luar serta badan-badan profesional serta pengecualian kredit yang tinggi di dalam dan luar negara yang diberikan kepada UiTM merupakan satu daripada kriteria penting yang menjadi ukuran untuk menentukan tahap kualiti program akademik. Saya bangga kerana kita menerima banyak pengiktirafan antarabangsa daripada pelbagai badan serta agensi.

Fakulti Pengurusan Perniagaan umpamanya menerima pengiktirafan yang berterusan daripada badan-badan profesional di seluruh dunia. Pada masa ini, UiTM merupakan satu-satunya universiti yang memperolehi tahap tertinggi dari segi pengecualian oleh Chartered Institute of Marketing (UK). Kedudukan ini sangat jelas dan boleh dibuat perbandingan langsung dengan mana-mana universiti lain di dunia misalnya, antara lain, Australia, Bahrain, Cyprus, Malta, Mauritius, Netherlands, New Zealand, Eire, Jerman, Perancis, Ghana, Hong Kong, Indonesia, Italy, Jamaica, Kazakhstan, Kenya, Malta, Nigeria, Norway, Pakistan, Filipina, Singapura, Afrika Selatan, Sepanyol, Sri Lanka, Switzerland, Tanzania, Thailand dan Zambia, sekadar contoh.

Begitu juga dengan pengiktirafan yang kita terima daripada Chartered Institute of Transport (CILT). Saya sendiri misalnya telah diberikan penghormatan tertinggi apabila Chartered Institute of Logistic & Transport International, menganugerahi saya, selaku Naib Canselor universiti ini, "The Chartered Fellowship".

Begitu juga dengan beberapa program niche di beberapa fakulti lain, seperti Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur dan Fakulti Perakaunan yang memperlihatkan pencapaian yang sangat membanggakan.

Antara pengiktirafan tersebut termasuklah:

- Kelulusan untuk mengendalikan peperiksaan MIA
- Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), UK
- Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), UK
- CPA Australia
- Chartered Institute of Transport, UK
- Chartered Institute of Building (CIOB), UK
- Institute Administrative Management, UK
- Institute of Chartered Secretaries and Administrator (ICSA), UK
- Institute of Electrical & Electronic Engineers (IEEE), USA
- Institute of Marketing, UK

Di dalam negara, UiTM diiktiraf secara rasmi misalnya oleh pihak-pihak berikut:

- Association of Malaysian Architects
- Board of Engineers Malaysia
- Institution of Engineers Malaysia
- Institution of Surveyors Malaysia
- Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA)
- Malaysian Association of Risk & Insurance Management (MARIM)
- Malaysian Institute of Accountants (MIA)
- Malaysian Institute of Banks
- Malaysian Institute of Insurance (MII)
- Malaysian Institute of Taxation

## MENCAPAI KECEMERLANGAN

Tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian,

Hari ini kita berada pada permulaan tahun 2005. Memandang ke hadapan, saya menjangkakan peranan dan sumbangan kita yang lebih besar yang diharapkan bukan sahaja oleh ibubapa dan bakal-bakal pelajar, malah melibatkan sumbangan kita secara lebih besar dan bermakna dalam menentukan halatuju pembangunan bangsa dan negara.

Maklumbalas yang kita terima dari semasa ke semasa memberikan tanda-tanda bahawa urusan-urusan akademik kita perlu dipertingkatkan mutu dan kualitinya. Ini termasuklah bagaimana fakulti dikendalikan dengan baik dan pengurusan tertinggi fakulti dapat menangani pelbagai isu, memastikan perkhidmatan yang ditawarkan adalah yang terbaik yang boleh dimanfaatkan oleh semua pelanggan dan setiap daripada kita berupaya mengenalpasti dan menyelesaikan masalah dengan cekap dan berwibawa. Kejayaan kita mengurangkan peratusan kegagalan dan memastikan peratusan mereka yang bergraduat ditingkatkan dengan setinggi-tingginya perlu dijadikan agenda besar pada tahun ini. Selaras dengan itu juga penampilan imej korporat kita semakin mantap dari masa kesemasa. Pelbagai publisiti positif seringkali disiarkan dimedia cetak dan juga media elektronik. Saya juga menyeru semua warga UiTM mewar-warkan segala kejayaan Universiti kita kepada umum dari masa ke semasa.

Memanglah secara idealnya, peranan universiti meliputi 3 fungsi utama:

### i. Mengajar

Sebuah universiti menghebahkan dan memperakui sesuatu pengetahuan sebagai "kebenaran" atau "fakta". Ini melibatkan pengajaran disiplin akademik tahap tinggi, dan seterusnya melibatkan penyebaran maklumat dan pengetahuan. Membudayakan kemahiran generik yang membawa kepada pengajaran berdasarkan penyelidikan

### ii. Menyelidik

Dalam atmosfera sebuah universiti, fungsinya secara awal meliputi penyiasatan dan perenungan – tanpa batasan – terhadap apa yang dianggap sebagai "fakta" atau "kebenaran". Oleh yang demikian, amalan menyelidik dilihat bersampingan dengan fungsi-fungsi mengajar dan menyelidik. Ini yang membezakan antara "universiti" dengan institusi pendidikan yang lain. Peranan universiti sebahagiannya adalah untuk membudayakan kegiatan merenung, memikir, mengkaji dan membuat perakuan berkenaan pelbagai fenomena dalam pembelajaran dan pengajian.

### iii. Khidmat Masyarakat

Kegiatan-kegiatan mengajar dan menyelidik sebenarnya bertujuan untuk memberi sumbangan kepada komuniti universiti dan juga membantu masyarakat umum mencapai cita-cita dan matlamat mereka. Dalam hal ini, universiti menjadi tempat rujukan untuk percambahan idea-idea baru serta memperkembang dan menghalusi idea-idea sedia ada. Universiti jadi gedung ilmu yang digunakan oleh masyarakat.

Selain itu, peranan-peranan umum lain bagi universiti termasuklah, menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan pada standard universiti untuk kemanfaatan mahasiswa yang layak untuk mendaftar dan menggunakan kemudahan berkenaan; mentadbir kursus-kursus pengajian; mentadbir pengajaran dan peperiksaan; menyuburkan kesarjanaan dan menghebahkan maklumat-maklumat yang mempunyai nilai-nilai "fakta"; dan juga menganugerahkan ijazah-ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah serta diploma dan sijil-sijil lain.

Semua tugas, peranan dan tanggungjawab ini memerlukan kegigihan, kesabaran, serta komitmen tidak berbelah bagi di kalangan setiap warga universiti. Kita perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih baik – over and above – tugas hakiki kita, sama sebagaimana yang saya sering ucapkan mengenai bagaimana para pensyarah pada zaman awal UiTM dahulu, yang terdiri daripada bangsa lain, menyumbang tenaga dan khidmat bakti tanpa mengira penat lelah atau ganjaran kewangan semata-mata kerana senang hati melihat para pelajar berjaya. Adakah ini terlalu banyak untuk diminta daripada kita semua?

14

Namun saya yakin, dan percaya, kita mempunyai kelebihan untuk menggunakan segala sumber dan potensi yang ada. Tuan-tuan dan puan-puan telah membuktikan, pada sepanjang empat tahun saya menerajui universiti ini, betapa mustahil pun sesuatu impian di mata kita itu kelihatannya, dengan berkat kerjasama, saling memahami dan paduan doa serta usaha kita secara kolektif, kita sentiasa berjaya mengatasi setiap halangan dan masalah yang timbul. Apa yang penting tentunya kesedian kita untuk memberikan khidmat bakti dan sumbangan tulus ikhlas sebagai modal kita untuk melabur di dalam usaha untuk mempertingkatkan profil kita, serta usaha kita untuk membina reputasi universiti ini sebagai universiti berkelas dunia.

Tahun 2006 merupakan sasaran utama kita. Kita mesti bersama-sama membayangkan bahawa sekarang ini kita sudahpun berada pada tahun 2006, kita sudahpun menyelesaikan segala tanggungjawab dan peranan khusus kita dalam memperkuuhkan universiti; dan kita sudahpun melaksanakan segala keperluan untuk menjadikan universiti ini bertaraf dunia. Hari ini pada tahun itu, tahun 2006, kita sudahpun bercakap mengenai bagaimana universiti ini, UiTM ini, dirujuk sebagai pusat pendidikan tinggi yang berwibawa, sentiasa menjadi tumpuan, sentiasa menyediakan peluang untuk peningkatan kemahiran dan pemikiran tertinggi dan saintifik; serta sentiasa menjadi impian ramai orang yang berasa amat selesa untuk dikaitkan dengan kegemilangan reputasi universiti ini.

Hari itu, pada tahun 2006 itu, setiap warga UiTM bercakap mengenai perlunya kita sentiasa menambahbaik kualiti sesi-sesi kuliah, pengurusan kelas, pengurusan pengambilan dan pendaftaran, usaha-usaha menarik lebih ramai bakal pelajar cemerlang memasuki universiti ini, usaha-usaha meningkatkan profil dan reputasi diri sebagai tenaga pengajar berwibawa yang dicari-cari oleh para pelajar siswazah dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Satu tahun bukanlah masa yang lama. Demikian juga, satu tahun tidaklah terlalu pendek untuk setiap warga mendiamkan diri dan menunggu ketibaan 2006 semata-mata. Hari ini, kita berada pada acara tahunan ini untuk mendengar saya mengulas kembali apa yang kita telah capai dan apa yang ingin kita lakukan seterusnya. Sedar atau tidak, sementara kita berkhidmat bersama-sama sejak empat tahun lepas, memperkuuh diri dan rumah kita ini, hari ini, pada saat-saat kita menantikan ketibaan 2006 untuk memuliakan ke bawah Seri Paduka Baginda (SPB) Yang Di Pertuan Agung yang akan mengisytiharkan universiti kita sebagai universiti kelas dunia, kita memikul amanah besar yang memerlukan pengorbanan dan keazaman yang tidak ada tolak bandingnya sebelum ini.

Kita bertuah, berasib baik untuk menerima keistimewaan dalam bentuk sokongan dan dorongan, serta bimbingan SPB Tuanku selaku Canselor universiti ini. Saya harap tuah dan nasib baik kita itu dapat kita jelaskan sepenuhnya melalui kecemerlangan UiTM mulai tahun 2005 ini, tanpa bertangguh-tangguh! Tidak ada seorang pun daripada kalangan warga kita yang boleh mengatakan bahawa "Saya tidak terlibat kerana saya..." seorang Tukang Kebun, atau tukang cuci, atau hanya Kerani, Juruteknik dan sebagainya. Janganlah hendaknya ada yang tergamak mengatakan bahawa menjadikan UiTM ini kelas dunia adalah kerja Naib Canselor dan para Pengurus Tertinggi sahaja. Tuan-tuan dan puan-puan, ibarat masyarakat lebah, madu tidak terkumpul oleh lebah pekerja sahaja. Dan umpama masyarakat semut, makanan tidak terkumpul oleh satu-dua semut pekerja sahaja, malah organisasi secara keseluruhannya terlibat sama samada disukai atau tidak, pilihan ataupun terpaksa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

UiTM adalah universiti yang sangat istimewa dan penting. Canselor kita ini ialah Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung. Saya berbesar hati atas banyak pencapaian warga serta program akademik universiti ini yang dicatatkan dari semasa ke semasa sejak tahun 1956 hingga ke hari ini.

Sejak penubuhannya, setiap warga universiti ini sentiasa berusaha keras, dengan penuh komitmen untuk mempertingkat lagi peranan universiti ini dalam membangun dan meningkatkan martabat bangsa. Universiti ini sentiasa menilai semula dan memperkemas strategi-strategi ke arah meninggikan kualiti akademik dan graduan universiti ini, misalnya melalui pengawasan dan pemantauan rapi aspek peninggian kualiti dan penambahbaikan proses-proses kerja.

Antara tahun-tahun 2001 dan 2004 ini, kita telah dan terus melaksanakan – secara bertahap-tahap – penstrukturran baru universiti ini yang bertujuan untuk memantapkan dan memperkemas struktur akademik, pentadbiran dan pengurusan fakulti. Harapan saya semoga melalui usaha-usaha seperti ini, universiti dapat mempertingkat kebolehsaingan graduannya bukan sahaja di pasaran tempatan, malah diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kita telah terbukti berjaya dalam banyak hal. Soal pengurusan kewangan universiti umpamanya mengekalkan rekod audit bersih sebanyak tiga tahun berturut-turut, menunjukkan betapa meskipun universiti ini terbesar, namun aspek pentadbiran dan pengurusan kita ternyata bermutu dan cekap.

Dengan itu, marilah kita terus mengekalkan keharmonian universiti ini, mengukuhkan tali silaturrahim sesama kita, dan bersama-sama bekerja dengan gigih, berazam dan ikhlas dalam memajukan institusi anak bangsa ini.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada

semua warga universiti yang selama ini memberikan saya alasan yang cukup baik untuk berasa bangga, gembira dan bersyukur atas pencapaian universiti ini. Setiap warga universiti ini telah dengan rela memberikan sumbangan mereka yang terbaik, bekerja bersama-sama saya dalam memastikan universiti ini berjaya melepassi seribu macam halangan dari semasa ke semasa. Tanpa mereka, tuan-tuan dan puan-puan, seluruh warga universiti, pencapaian kita tidak akan menjadi sehebat ini, sebagaimana yang kita kecapi sekarang.

Tidak syak lagi tentunya kita mempunyai banyak lagi peluang dan ruang untuk lebih berjaya, lebih cemerlang, dalam mensyukuri nikmat yang telah diperolehi sejauh ini. Apa yang seharusnya kita lakukan sekarang adalah untuk memastikan setiap daripada kita menumpukan perhatian sepenuhnya, meletakkan fokus kita kepada matlamat yang telah kita war-warkan sekian lama – menjadi universiti kelas dunia – dan berkesanggupan pula untuk melangkui mimpi-mimpi kita dengan usaha keras kita secara bersama-sama.

Marilah kita mendoakan agar kejayaan kita seterusnya kita dapat capai dengan lancar dan mudah, pada masa yang sama kita diberikan keupayaan dan kemudahan untuk berhadapan dengan pelbagai masalah secara tenang dan sabar, dan kita tidak pula lupa untuk bersama-sama mensyukuri nikmat yang kita perolehi dengan membuat lebih banyak kebaikan dan kebajikan dalam konteks pembangunan anak-anak bangsa tanpa terlalu membangkitkan soal-soal apa yang akan kita dapat sebagai ganjaran peribadi. Dengan itu, marilah kita memandang ke hadapan – mulai 2005 ini – dengan meletakkan UiTM sebagai mendahului segala-galanya.

16

Dalam perspektif ini, tahun 2005 merupakan tahun yang menuntut perhatian dan usaha kita secara total dalam melonjakkan kecemerlangan dan seterusnya membudayakan kecemerlangan dalam segenap kehidupan universiti ini. Memanglah ungkapan "kualiti" merupakan konotasi yang positif dan bermakna kepada pembangunan organisasi, namun ungkapan "Kecemerlangan" dengan sendirinya melengkapkan paduan pemikiran, usaha dan tenaga kita secara bersama-sama demi kecemerlangan, kegemilangan dan kerterbilangan universiti tercinta ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, dengan semangat dan pendirian itu di fikiran, saya bersukacita untuk mengisyiharkan tema universiti untuk tahun 2005 ini sebagai:

### ***"Tahun Pengurusan Pengukuhan Kecemerlangan"***

Sekian, Selamat berjaya, InsyaAllah. WabiLlahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum WarahmatuLlahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

